



## JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

### **KENYATAAN MEDIA (26 JULAI 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **terdapat satu (1)** kes kematian jangkitan COVID-19 baharu dilaporkan. Kes kematian yang ke-19 melibatkan kes ke-589 dilaporkan di Sarawak dan merupakan kes kematian ke-124 di Malaysia. Mangsa merupakan seorang wanita warga tempatan berumur 63 tahun beralamat di Samariang Baru, Kuching.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak mengucapkan Takziah kepada keluarga mangsa.

Manakala **satu (1)** kes positif COVID-19 dilaporkan di Daerah Kuching. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak setakat hari ini sebanyak **650** kes.

## A. Kes Pengesahan Kontak dari Kluster Yang Masih Aktif (1 kes)

Pada hari ini terdapat hanya **satu (1)** kes baru yang dilaporkan melibatkan pengesahan kontak dari kluster yang masih aktif. Kes merupakan lelaki warganegara tempatan yang bekerja sebagai petugas kesihatan di fasiliti tersebut. Kes disaring secara aktif yang melibatkan Kluster Sentosa dan merupakan kes Ke-21 melibatkan kluster ini. Kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala.

Kes diambil swab *Combined Nasopharyngeal dan Oropharyngeal* pada 24 Julai 2020 di sebuah klinik kesihatan kerajaan di Kuching dan keputusan ujian rT-PCR kes adalah positif untuk COVID-19 pada 25 Julai 2020. Kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak pada hari yang sama untuk rawatan lanjut.

## B. Kluster COVID-19 yang masih aktif.

Hari ini terdapat penambahan **satu (1)** kes baharu kepada Kluster Sentosa menjadikan jumlah di dalam kluster ini adalah seramai 21 orang. Tiada penambahan kes dikesan atau dilaporkan untuk kluster-kluster lain yang masih aktif.

Setakat hari ini, terdapat **sembilan (9)** kluster yang masih aktif iaitu:

- a) Kluster Syarikat Kejuruteraan: **kekal empat (4) kes**
- b) Kluster Mambong: **kekal lima (5) kes**
- c) Kluster Pusat Perubatan: **kekal tiga (3) kes**
- d) Kluster Jupiter: **kekal tiga (3) kes**
- e) Kluster Pasar Stutong: **kekal tujuh (7) kes**

- f) Kluster Jeti Kuching: **kekal dua (2) kes**
- g) Kluster Sentosa: **penambahan satu (1) kes menjadikan jumlah 21 kes**
- h) Kluster PUI Melburne: **kekal dua (2) kes**
- i) Kluster Syarikat Pembinaan Kuching: **kekal dua (2) kes**

Dimaklumkan juga **dua (2)** kes baru yang telah sembuh dan discaj dari Hospital Umum Sarawak hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah sembuh dan discaj kekal sebanyak **563** orang atau **86.62%**.

Seramai **68 orang** masih menerima rawatan dalam wad isolasi hospital dan jumlah kematian **19 orang atau 2.93%**.

Hari ini sebanyak **6 PUI** baru dilaporkan dan **5 kes** masih menunggu ujian makmal.

## **2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah bermesyuarat pada hari ini dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak. Mesyuarat telah mengambil maklum perkembangan terkini mengenai jumlah kes positif COVID-19 di Bahagian Kuching dan Samarahan. Justeru, beberapa tindakan segera harus diambil sebagai langkah pengawalan perebakan COVID-19 di Sarawak.

Untuk makluman, jumlah kes positif COVID-19 di Daerah Kuching adalah **38 kes** jangkitan tempatan dan **14 kes** adalah kes import. Manakala bagi Daerah Samarahan merekodkan 11 kes jangkitan tempatan dan 2 kes import. Lundu pula adalah merekodkan satu (1) kes import dan Bau satu (1) kes tempatan. Manakala Daerah Bintulu pula merekodkan empat (4) kes import.

Antara keputusan-keputusan adalah seperti berikut:

#### **A. KEMASUKKAN KE SARAWAK**

Semua warganegara Malaysia yang datang dari Semenanjung, Sabah dan Labuan akan dikuarantin di hotel. Sampel akan diambil pada hari ke-2 dan sekiranya keputusan ujian PCR COVID-19 negatif, barulah mereka dibenarkan balik. **Arahan ini berkuatkuasa pada 1 hingga 14 Ogos 2020.**

Manakala kemasukan rakyat Sarawak dari luar negara seperti yang telah diumumkan sebelum ini adalah **dikekalkan**.

#### **B. ACTIVE CASE DETECTION (ACD)**

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan meningkatkan pelaksanaan penjejakan kontak (*Active Case Detection*) di kawasan Kota Sentosa.

## C. LAIN-LAIN KEPUTUSAN

Selain keputusan yang telah dinyatakan di atas, JPBN akan mengumumkan strategi-strategi lain dengan lebih terperinci setelah strategi tersebut diperhalusi. Antara strategi-strategi yang akan diumumkan adalah seperti berikut dalam masa terdekat:

- i. Kawalan pergerakan antara Daerah
- ii. Pengurangan jumlah penerbangan
- iii. Mengurangkan tempoh masa operasi perniagaan

## D. PENANGGUHAN PEMBUKAAN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK BAGI SESI PENGAJIAN JUN 2020

Berdasarkan nasihat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak, Politeknik Kuching Sarawak akan menangguhkan pembukaan sesi pengajian Jun 2020 yang melibatkan kira-kira 825 orang pelajar baharu Semester 1 dan 3538 orang pelajar senior (Semester 2 hingga Semester 5).

Sesi pendaftaran pengajian dan asrama bagi pelajar baharu (Semester 1) Jun 2020 pada asalnya dijadualkan pada 3 Ogos 2020 (Isnin) hingga 7 Ogos 2020 (Jumaat) dan bilangan pecahan pelajar terperinci mengikut negeri adalah seperti **di Jadual 1**.

Seterusnya, bilangan pelajar senior (Semester 2 hingga Semester 5) seramai 3538 yang dijadualkan mendaftar pada 7 Ogos 2020 (Jumaat) dan 8 Ogos 2020 (Sabtu) adalah seperti **pada Jadual 2**.

Di samping itu, seramai 471 orang pelajar PKS sedang menjalani Latihan Industri. Pecahan agihan bilangan syarikat mengikut negeri yang terlibat dalam Latihan Industri adalah seperti **di Jadual 3.**

### **3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (10 JUN HINGGA 31 OGOS 2020)**

Terdapat beberapa aduan mengenai ketidakpatuhan pelanggan dan pengusaha premis perniagaan yang leka dan tidak mematuhi Garis Panduan yang telah ditetapkan. Perlu diingatkan matlamat SOP tersebut adalah untuk memutuskan rantaian COVID-19. Oleh itu adalah penting JPBN ingin mengingatkan sekali lagi supaya orang ramai mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Justeru, JPBN telah mengarahkan pasukan pemantauan pematuhan PKPP untuk memperhebatkan penguatkuasan supaya matlamat SOP tersebut tercapai.

Hari ini sebanyak **1,983 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (422), Restoran (425), Kilang (13), Bank (148), Pejabat Kerajaan (57), Penjaja (38), Pasar Tani/Awam (103), Tempat Ibadah (79), Tempat Riadah (55), Tapak Pembinaan (15) dan lain-lain (628).

Seramai **626 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (334), ATM (42), RELA (126), APM (89), PBT (33) dan Lain-lain agensi (2).

### **3. LAPORAN NOTIS KOMPAUN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **45 notis** kompaun kerana tidak mematuhi Garis Panduan (SOP) iaitu di Kuching (21), Bintulu (10), Sarawak (5), Miri (4), Bau (3), Sarikei (1) dan Lawas (1).

#### **4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **700** jumlah kenderaan telah diperiksa.

#### **5. NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI**

Orang ramai adalah dinasihatkan agar tidak leka dan terus kekal waspada. Pastikan saranan dan nasihat-nasihat kesihatan diamalkan pada setiap masa. Antara nasihat yang sewajarnya dijadikan satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian dengan mengamalkan **SOP**:

**S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);

**O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;

**P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**

**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**26 JULAI 2020**

**5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	649	Kes sedang dirawat di hospital	68	10.46%
Kes Baharu	1	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	63,725	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	650	Jumlah kes kematian	19	2.92%
IR per 100,000 penduduk	21.07	Kes telah sembuh dan discaj	563	86.62%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	Baru	Kumulatif
Negatif	13		6	Kumulatif
Menunggu keputusan	3		8,895	

Status Semasa		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital		63	0	4	0	1	68
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>		0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )		0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian		17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	2	0	0	0	0	2
	Kumulatif	476	33	23	31	0	563
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )		9	8	2	0	0	19

DAERAH KUNING (3)											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Kuching	3	5,772	1	397	2	336	1	12	49	52
2	Bau	0	161	0	6	0	5	0	0	1	1
3	Samarahan	0	539	0	111	0	94	0	4	13	13
Jumlah		3	6472	1	514	2	435	1	16	63	66

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (37)											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Bintulu	0	270	0	27	0	23	0	0	4	4
2	Sibu	0	104	0	9	0	9	0	0	0	0
3	Simunjan	0	58	0	8	0	8	0	0	0	0
4	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0
5	Serian	0	297	0	21	0	21	0	0	0	0
6	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0
7	Lundu	0	240	0	2	0	1	0	0	1	1
8	Limbang	0	29	0	9	0	8	0	1	0	0
9	Miri	2	806	0	23	0	22	0	1	0	0
10	Asajaya	0	40	0	5	0	5	0	0	0	0
11	Sri Aman	0	46	0	3	0	2	0	1	0	0
12	Betong	1	185	0	16	0	16	0	0	0	0
13	Lawas	0	13	0	1	0	1	0	0	0	0
14	Mukah	0	39	0	1	0	1	0	0	0	0
15	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0
16	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0
17	Saratok	0	23	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Lubok Antu	0	20	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Kapit	0	29	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Marudi	0	12	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		3	2,423	0	136	0	128	0	3	5	5
Jumlah Besar		6	8,895	1	650	2	563	1	19	68	71

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Bil.	Kluster		Kes Baru	Kumulatif Kes	Tarikh Tamat		
1	<b>Kluster Kuching Conference</b>		0	191	22 June, 2020		
2	<b>Kluster Seri Petaling</b>		0	115	10 June, 2020		
2a	Sub-Kluster Kuching dan Samarahan (BDC dan Desa Ilmu)	41	Sub-kluster dan kes kes sporadik dari Kluster Besar Seri Petaling	3 June, 2020 15 May, 2020 10 June, 2020 12 May, 2020 26 May, 2020 12 May, 2020 3 June, 2020 3 June, 2020 15 May, 2020 2 May, 2020	3 June, 2020		
2b	Sub-Kluster Debak, Betong	10			15 May, 2020		
2c	Sub-Kluster Sibu	4			10 June, 2020		
2d	Sub-Kluster Bintulu	2			12 May, 2020		
2e	Sub-Kluster Limbang	7			26 May, 2020		
2f	Sub-Kluster Kecil Kuching	7			12 May, 2020		
2g	Sub-Kluster Kecil Samarahan	10			3 June, 2020		
2h	Sub-Kluster Kecil Serian	3			3 June, 2020		
2i	<b>Sporadik</b>				15 May, 2020		
	i) Betong	6			2 May, 2020		
	ii) Samarahan	1			6 June, 2020		
	iii) Serian	1			12 May, 2020		
	iv) Kuching	9			18 April, 2020		
	v) Bintulu	2			24 May, 2020		
	vi) Miri	8			13 April, 2020		
	vii) Mukah	2			26 May, 2020		
	viii) Limbang	2					
3	<b>Kluster PUI Itali</b>		0	65	30 May, 2020		
4	<b>Kluster Petugas Kesihatan Kuching</b>		0	68	6 June, 2020		
5	<b>Kluster Kidurong</b>		0	8	19 July, 2020		
6	<b>Kluster Tapak Pembinaan Kuching</b>		0	3	22 July, 2020		
7	<b>Kluster Syarikat Kejuruteraan Kuching</b>		0	4	Active		
8	<b>Kluster Mambong</b>		0	5	Active		
9	<b>Kluster Jupiter</b>		0	3	Active		
10	<b>Kluster Pusat Perubatan Kuching</b>		0	3	Active		
11	<b>Kluster Pasar Stutong</b>		0	7	Active		
12	<b>Kluster Jeti</b>		0	2	Active		
13	<b>Kluster Sentosa</b>		1	21	Active		
14	<b>Kluster PUI Melbourne</b>		0	2	Active		
15	<b>Kluster Syarikat Pembinaan Kuching</b>		0	2	Active		
16	<b>Kluster-kluster kecil</b>		0	63	-		
17	<b>Sporadik kes</b>		0	53	-		
18	<b>Kes import dari luar negara</b>		0	33	-		
19	<b>Masih dalam siasatan dan kes baru</b>		0	2	-		
<b>Jumlah</b>			1	650			

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **39 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **11 buah hotel** adalah seramai **605 orang**.

Manakala seramai **19,118 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 26.07.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (358)	Harbour View	133
2		Riverside (Astana Wing)	161
3		Hock Lee	64
4	Miri (93)	Eastwood Valley	44
5		Meritz	49
6	Bintulu (43)	Wasan Inn	24
7		Motel Kapok	17
8		Faber Inn	2
9	Limbang (20)	Purnama	15
10		Mandarin (Lawas)	5
11	Sibu (91)	Premier	91
<b>Jumlah PUS</b>			<b>605</b>

### **3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Pada hari ini, sebanyak **3 lokasi (Sibu)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,408 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 26.07.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	Kuching	442
2	Miri	246
3	Bintulu	110
4	Samarahan	106
5	Sibu	105
6	Sarikei	99
7	Limbang	75
8	Betong	48
9	Serian	47
10	Mukah	45
11	Sri Aman	44
12	Kapit	41
<b>Jumlah</b>		<b>1,408</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Pada hari ini, sebanyak **40 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 26.07.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	2
2	MPKS	1
3	MD Lundu	5
4	MD Serian	3
5	MP Sri Aman	5
6	MP Sibu	10
7	MD Dalat & Mukah	9
8	MB Miri	2
9	MD Marudi	3
<b>Jumlah</b>		<b>40</b>

## **5. PENANGGUHAN PEMBUKAAN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK BAGI SESI PENGAJIAN JUN 2020**

### **JADUAL 1 :**

**PECAHAN PELAJAR BAHRU MENGIKUT NEGERI BAGI SESI JUN 2020**

<b>Negeri Asal</b>	<b>Bilangan</b>
Sarawak	699
Sabah	78
Johor	10
Selangor	10
Labuan	5
Kedah	3
Pulau Pinang	3
Kuala Lumpur	1
Melaka	1
Terengganu	1
<b>Jumlah</b>	<b>811</b>

**JADUAL 2 :****BILANGAN PELAJAR SENIOR MENGIKUT SEMESTER BAGI SESI JUN 2020**

<b>Semester</b>	<b>Bilangan</b>
**Semester 1	5
Semester 2	493
Semester 3	1090
Semester 4	435
Semester 5	926
Semester 6	589
<b>Jumlah</b>	<b>3,538</b>

**\*\* Tangguh pengajian Sem 1**

**JADUAL 3 :**

BILANGAN PECAHAN SYARIKAT TEMPAT LATIHAN INDUSRI PELAJAR PKS  
SESI JUN 2020

<b>Negeri Asal</b>	<b>Bilangan</b>
Sarawak	208
Sabah	22
Pulau Pinang	1
Kedah	1
Kuala Lumpur	1
Selangor	1
Perak	1
<b>Jumlah</b>	<b>235</b>